



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN
MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN
AMALAN
KOD KURSUS : DSM3193
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON


1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)

 - i. Bahagian A mengandungi **DUA (2)** soalan. Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan.
 - ii. Bahagian B mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Bincangkan konsep hubungan pekerja dengan majikan dalam konteks perhubungan industri di Malaysia.

(8 markah)

- b. Bagaimanakah peristiwa sejarah mempengaruhi pembangunan gerakan kesatuan sekerja di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945-1946?

(12 markah)

SOALAN 2


- a. Bagaimanakah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab menyelesaikan pertikaian industri di Malaysia?

(8 markah)

- b. Perundingan langsung merupakan salah satu kaedah penyelesaian konflik industri antara majikan dan wakil kesatuan sekerja. Mengapakah kaedah perundingan langsung dan perdamaian merupakan alternatif utama dalam penyelesaian konflik industri?

(12 markah)

[40 MARKAH]




SOALAN 2

- a. Setiap pekerja mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam kesatuan sekerja sama ada dia adalah seorang pekerja tempatan mahupun pekerja asing seperti mana yang dinyatakan di bawah Akta Perhubungan Perindustrian 1967. Pada pandangan anda, apakah larangan yang dikenakan terhadap majikan berkenaan hak pekerjaanya untuk melibatkan diri dalam kesatuan sekerja?

(8 markah)

- b. Apakah prosedur yang perlu dipatuhi oleh kesatuan sekerja sekiranya kesatuan mengemukakan tuntutan pengiktirafan kesatuan kepada majikan? Jawapan anda hendaklah merangkumi keseluruhan prosedur bermula daripada notis tuntutan sehingga Menteri mengeluarkan keputusannya.

(12 markah)



SOALAN 4

- a. Pekerja di Syarikat Andalas Enterprise Sdn. Bhd. tidak berpuas hati dengan sikap majikan yang enggan memberikan bonus tahunan sebanyak 20 peratus daripada keuntungan kepada pihak pekerja. Oleh itu, pekerja dan pegawai kesatuan sekerja telah merancang untuk mengadakan piket dan mogok terhadap majikan. Nasihatkan pihak-pihak yang terlibat tentang prosedur undang-undang yang perlu dipatuhi sebelum tindakan perusahaan dilakukan oleh mereka.

(10 markah)

- b. Berdasarkan kajian kes di soalan 4(a), adakah wajar jika majikan di Syarikat Andalas Enterprise Sdn. Bhd. mengadakan sekat masuk (*lock-outs*) kepada pihak yang terlibat?

(10 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

